

RANCANGAN PENGAJARAN TAHUNAN TINGKATAN 2 / 2022/23

MINGGU / TARIKH	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
BAB 1 : POLA DAN JUJUKAN (MODUL 1)			
MINGGU 1 21 Mac – 24 Mac 2022	1.1 Pola	1.1.1 Mengenal dan memerihalkan pola pelbagai set nombor dan objek dalam kehidupan sebenar, dan seterusnya membuat rumusan tentang pola.	Pelbagai set nombor termasuk nombor genap, nombor ganjil, Segitiga Pascal dan Nombor Fibonacci.
	1.2 Jujukan	1.2.1 Menerangkan maksud jujukan. 1.2.2 Mengenal pasti dan memerihalkan pola suatu jujukan, dan seterusnya melengkapkan dan melanjutkan jujukan tersebut	Aktiviti penerokaan yang melibatkan bentuk geometri, nombor dan objek perlu dijalankan.
MINGGU 2 27 Mac – 31 Mac 2022	1.3 Pola dan Jujukan	1.3.1 Membuat generalisasi tentang pola suatu jujukan menggunakan nombor, perkataan dan ungkapan algebra. 1.3.2 Menentukan sebutan tertentu bagi suatu jujukan. 1.3.3 Menyelesaikan masalah yang melibatkan jujukan.	
BAB 2 : PEMFAKTORAN DAN PECAHAN ALGEBRA (MODUL 16, MODUL 17)			
MINGGU 3 3 April – 7 April 2022	2.1 Kembangan	2.1.1 Menerangkan maksud kembangan dua ungkapan algebra. 2.1.2 Melaksanakan kembangan dua ungkapan algebra. 2.1.3 Mempermudahkan ungkapan algebra yang melibatkan gabungan operasi termasuk kembangan. 2.1.4 Menyelesaikan masalah yang melibatkan kembangan dua ungkapan algebra.	Pelbagai perwakilan seperti jubin algebra perlu digunakan Hadkan kepada masalah yang melibatkan ungkapan algebra linear.

	2.2 Pemfaktoran	2.2.1 Menghubungkan pendaraban ungkapan algebra dengan konsep faktor dan pemfaktoran, dan seterusnya menyenaraikan faktor bagi hasil darab ungkapan algebra tersebut. 2.2.2 Memfaktorkan ungkapan algebra dengan pelbagai kaedah. 2.2.3 Menyelesaikan masalah yang melibatkan pemfaktoran.	Boleh tegaskan bahawa pemfaktoran ialah songsangan kepada kembangan Pelbagai kaedah termasuk menggunakan faktor sepunya dan kaedah lain seperti darab silang atau penggunaan jubin algebra
MINGGU 4 10 April – 14 April 2022	2.3 Ungkapan Algebra dan Hukum Operasi Asas Aritmetik	2.3.1 Melaksanakan penambahan dan penolakan ungkapan algebra yang melibatkan kembangan dan pemfaktoran 2.3.2 Melaksanakan pendaraban dan pembahagian ungkapan algebra yang melibatkan kembangan dan pemfaktoran 2.3.3 Melaksanakan gabungan operasi ungkapan algebra yang melibatkan kembangan dan pemfaktoran	Ungkapan algebra termasuk pecahan algebra.
BAB 3 : RUMUS ALGEBRA (MODUL 16, MODUL 17)			
MINGGU 5 17 April – 21 April	3.1 Rumus Algebra	3.1.1 Membentuk rumus berdasarkan suatu situasi. 3.1.2 Menukar perkara rumus bagi suatu persamaan algebra. 3.1.3 Menentukan nilai suatu pemboleh ubah apabila nilai pemboleh ubah lain diberi. 3.1.4 Menyelesaikan masalah yang melibatkan rumus	Situasi termasuk pernyataan seperti “kuasa dua suatu nombor ialah sembilan”.
BAB 4 : POLIGON (MODUL 14)			
MINGGU 6 24 April – 28 April 2022	4.1 Poligon Sekata	4.1.1 Menghuraikan sifat geometri poligon sekata menggunakan pelbagai perwakilan.	Aktiviti penerokaan yang melibatkan pelbagai kaedah seperti penggunaan bahan konkrit (contoh: origami) atau perisian geometri dinamik perlu dijalankan.

		4.1.2 Membina poligon sekata menggunakan pelbagai kaedah dan menerangkan rasional langkah-langkah pembinaan.	Aktiviti membanding dan membezakan poligon sekata dan poligon tak sekata, serta menegaskan kekongruenan sudut perlu dilibatkan. Sifat geometri termasuk panjang sisi, sudut dan bilangan paksi simetri. Pelbagai kaedah termasuk penggunaan perisian geometri dinamik. Cadangan aktiviti pengayaan: Mereka cipta corak menggunakan poligon termasuk objek 3-dimensi.
MINGGU 7 1 Mei – 5 Mei 2022 MINGGU 8 8 Mei – 12 Mei 2022	4.2 Sudut Pedalaman dan Sudut Peluaran Poligon	4.2.1 Menerbitkan rumus hasil tambah sudut pedalaman suatu poligon 4.2.2 Membuat dan mengesahkan konjektur tentang hasil tambah sudut peluaran poligon. 4.2.3 Menentukan nilai sudut pedalaman, sudut peluaran dan bilangan sisi suatu poligon. 4.2.4 Menyelesaikan masalah yang melibatkan poligon	Aktiviti penerokaan dengan pelbagai kaedah seperti penggunaan perisian geometri dinamik perlu dijalankan.
BAB 5 : BULATAN (MODUL 14)			
MINGGU 9 15 Mei – 19 Mei 2022	5.1 Sifat Bulatan	5.1.1 Mengenal bahagian bulatan dan menerangkan sifat bulatan. 5.1.2 Membina suatu bulatan dan bahagian bulatan berdasarkan syarat yang diberi.	Aktiviti penerokaan perlu dijalankan dengan pelbagai kaedah seperti penggunaan perisian geometri dinamik.

			Bahagian bulatan termasuk diameter, perentas dan sektor. Contoh syarat: (a) Bina suatu bulatan - diberi jejari atau diameter. (b) Bina diameter - melalui satu titik tertentu dalam suatu bulatan dan diberi pusat bulatan tersebut. (c) Bina perentas - melalui satu titik tertentu pada lilitan dan diberi panjang perentas tersebut. (d) Bina sektor - diberi sudut sektor dan jejari bulatan. Penggunaan perisian geometri dinamik digalakkan.
MINGGU 10 22 Mei – 26 Mei 2022	5.2 Sifat Simetri Perentas	5.2.1 Menentukan dan Menerangkan bahawa: (i) diameter ialah paksi simetri bulatan; (ii) jejari yang berserenjang dengan perentas membahagi dua sama perentas itu dan sebaliknya; (iii) pembahagi dua sama serenjang dua perentas bertemu di pusat bulatan; (iv) perentas yang sama panjang menghasilkan lengkok yang sama panjang; dan (v) perentas yang sama panjang adalah sama jarak dari pusat bulatan dan sebaliknya.	Aktiviti penerokaan perlu dijalankan dengan pelbagai kaedah seperti penggunaan perisian geometri dinamik
	5.2 Sifat Simetri Perentas	5.2.2 Menentukan pusat dan panjang jejari bagi suatu bulatan melalui pembinaan geometri. 5.2.3 Menyelesaikan masalah yang melibatkan sifat simetri perentas.	

MINGGU 11 29 Mei – 2 Jun 2022	5.3 Lilitan dan Luas Bulatan	5.3.1 Menentukan hubungan antara lilitan dan diameter bulatan, dan seterusnya mentakrifkan π dan menerbitkan rumus lilitan bulatan. 5.3.2 Menerbitkan rumus luas bulatan. 5.3.3 Menentukan lilitan, luas bulatan, panjang lengkok, luas sektor dan ukuran lain yang berkaitan 5.3.4 Menyelesaikan masalah yang melibatkan bulatan	Aktiviti penerokaan perlu dijalankan bagi SP 5.3.1 dan 5.3.2 dengan menggunakan bahan konkrit atau perisian geometri dinamik. Taakulan perkadaran perlu diberi penekanan.
MINGGU 12 5 Jun – 11 Jun 2022		Cuti Penggal 1	
BAB 6 : BENTUK GEOMETRI TIGA DIMENSI			
MINGGU 13 12 Jun – 18 Jun 2022	6.1 Sifat Geometri Bentuk Tiga Dimensi	6.1.1 Membanding, membeza dan mengklasifikasikan bentuk tiga dimensi termasuk prisma, piramid, silinder, kon dan sfera, dan seterusnya menghuraikan sifat geometri prisma, piramid, silinder, kon dan sfera.	Konsep dimensi dalam bentuk dua dimensi dan tiga dimensi perlu dibincangkan. Aktiviti penerokaan perlu dijalankan dengan menggunakan bahan maujud atau perisian geometri dinamik. Objek tiga dimensi termasuk bentuk serong. Contoh sifat geometri bagi prisma: Keratan rentas seragam berbentuk poligon, muka lain berbentuk sisi empat.
	6.2 Bentangan Bentuk Tiga Dimensi	6.2.1 Membanding, membeza dan mengklasifikasikan bentuk tiga dimensi termasuk prisma, piramid, silinder, kon dan	

		sfera, dan seterusnya menghuraikan sifat geometri prisma, piramid, silinder, kon dan sfera.	
	6.3 Luas Permukaan Bentuk Tiga Dimensi	6.3.1 Menerbitkan rumus luas permukaan kubus, kuboid, piramid, prisma, silinder dan kon, dan seterusnya menentukan luas permukaan bentuk tersebut. 6.3.2 Menentukan luas permukaan sfera dengan menggunakan rumus. 6.3.3 Menyelesaikan masalah yang melibatkan luas permukaan bentuk tiga dimensi.	Aktiviti penerokaan perlu dijalankan dengan melibatkan bentuk tegak sahaja. Gabungan bentuk tiga dimensi dan penukaran unit perlu dilibatkan
MINGGU 14 19 – 25 Jun 2022	6.4 Isi padu Bentuk Tiga Dimensi	6.4.1 Menerbitkan rumus isi padu prisma dan silinder, dan seterusnya membentuk rumus piramid dan kon. 6.4.2 Menentukan isi padu prisma, silinder, kon, piramid dan sfera dengan menggunakan rumus. 6.4.3 Menyelesaikan masalah yang melibatkan isi padu bentuk tiga dimensi.	Melibatkan bentuk tegak sahaja. Gabungan bentuk tiga dimensi dan penukaran unit perlu dilibatkan.
BAB 7 : KOORDINAT			
MINGGU 15 26 Jun – 2 Julai 2022	7.1 Jarak dalam Sistem Koordinat Cartes	7.1.1 Menerangkan maksud jarak antara dua titik pada satah Cartes. 7.1.2 Menerbitkan rumus jarak antara dua titik pada satah Cartes. 7.1.3 Menentukan jarak antara dua titik pada satah Cartes. 7.1.4 Menyelesaikan masalah yang melibatkan jarak antara dua titik dalam sistem koordinat Cartes	Maksud jarak antara dua titik perlu diterangkan berdasarkan hasil penerokaan. Aktiviti penerokaan perlu dijalankan dalam menerbitkan rumus jarak.
MINGGU 16	7.2 Titik Tengah dalam Sistem Koordinat Cartes	7.2.1 Menerangkan maksud titik tengah antara dua titik pada satah Cartes.	Maksud titik tengah antara dua titik perlu diterangkan berdasarkan hasil penerokaan

3 Julai – 9 Julai 2022		7.2.2 Menerbitkan rumus titik tengah antara dua titik pada satah Cartes. 7.2.3 Menentukan koordinat titik tengah antara dua titik pada satah Cartes. 7.2.4 Menyelesaikan masalah yang melibatkan titik tengah dalam sistem koordinat Cartes	Aktiviti penerokaan perlu dijalankan dalam menerbitkan rumus titik tengah.
	7.3 Sistem Koordinat Cartes	7.3.1 Menyelesaikan masalah yang melibatkan sistem koordinat Cartes.	
BAB 8 : GRAF FUNGSI (MODUL 8, MODUL 10)			
MINGGU 17 10 Julai – 16 Julai 2022	8.1 Fungsi	8.1.1 Menerangkan maksud fungsi. 8.1.2 Mengenal pasti fungsi dan memberi justifikasi berdasarkan perwakilan fungsi dalam bentuk pasangan tertib, jadual, graf dan persamaan.	Aktiviti penerokaan yang melibatkan hubungan antara dua kuantiti dalam situasi harian perlu dijalankan. Fungsi satu kepada satu dan banyak kepada satu perlu dilibatkan. Konsep pemboleh ubah sebagai hubungan berfungsi dikaitkan dengan konsep pemboleh ubah sebagai anu di bawah topik persamaan linear. Tatatanda fungsi, $f(x)$, perlu diperkenalkan
MINGGU 18 17 Julai – 23 Julai 2022	8.2 Graf Fungsi	8.2.1 Membina jadual nilai bagi fungsi linear dan bukan linear, dan seterusnya melukis graf menggunakan skala yang diberi. 8.2.2 Mentafsir graf fungsi.	Fungsi linear dan bukan linear termasuk yang mewakili situasi kehidupan sebenar. Fungsi berbentuk $y = ax^n$, $n = -2, -1, 1, 2, 3$, $a \neq 0$, perlu dilibatkan. Graf fungsi termasuk yang mewakili situasi kehidupan sebenar. Mentafsir graf fungsi adalah seperti mengkaji trend dan membuat ramalan.

BAB 9 : LAJU DAN PECUTAN			
MINGGU 19 24 Julai – 30 Julai 2022	9.1 Laju	9.1.1 Menerangkan maksud laju sebagai suatu kadar yang melibatkan jarak dan masa. 9.1.2 Memerihai perbezaan antara laju seragam dan laju tak seragam. 9.1.3 Melaksanakan pengiraan yang melibatkan laju dan laju purata termasuk penukaran unit. 9.1.4 Menyelesaikan masalah yang melibatkan laju.	Maksud laju perlu diterangkan berdasarkan hasil pemerolehan. Pelbagai perwakilan termasuk jadual dan graf yang berdasarkan pelbagai situasi perlu digunakan.
MINGGU 20 31 Julai – 6 Ogos 2022	9.2 Pecutan	9.2.1 Menerangkan maksud pecutan dan nyahpecutan sebagai suatu kadar yang melibatkan laju dan masa. 9.2.2 Melaksanakan pengiraan yang melibatkan pecutan termasuk penukaran unit. 9.2.3 Menyelesaikan masalah yang melibatkan pecutan	Maksud pecutan dan nyahpecutan perlu diterangkan berdasarkan hasil pemerolehan.
BAB 10 : KECERUNAN GARIS LURUS (MODUL 10)			
MINGGU 21 7 Ogos – 13 Ogos 2022 MINGGU 22 14 Ogos – 20 Ogos 2022 MINGGU 23 21 Ogos – 27 Ogos 2022 MINGGU 24	10.1 Kecerunan	10.1.1 Memerihalkan kecuraman dan arah kecondongan berdasarkan situasi harian, dan seterusnya menerangkan maksud kecerunan sebagai nisbah jarak mencancang kepada jarak mengufuk. 10.1.2 Menerbitkan rumus kecerunan suatu garis lurus pada satah Cartes.	Menjalankan aktiviti pemerolehan yang melibatkan pelbagai kaedah seperti penggunaan perisian dinamik. Membincangkan kes garis lurus yang melalui asalan dan garis lurus yang selari dengan paksi. Rumus kecerunan ialah: $m = \frac{Y-Y}{X-X}$

28 Ogos – 3 September 2022		10.1.3 Membuat generalisasi tentang kecerunan garis lurus.	$m = \frac{\text{Pintasan}-Y}{\text{Pintasan}-X}$ Aktiviti penerokaan perlu dijalankan dengan melibatkan semua kes kecerunan. Contoh generalisasi: (a) Semakin besar nilai mutlak kecerunan, semakin curam garis lurus tersebut. (b) Tanda positif atau negatif pada nilai kecerunan menunjukkan arah kecondongan garis lurus
		10.1.4 Menentukan kecerunan suatu garis lurus.	Situasi kehidupan sebenar perlu dilibatkan.
		10.1.5 Menyelesaikan masalah yang melibatkan kecerunan garis lurus.	Perkaitan antara perwakilan konkrit, grafik dan simbolik bagi kecerunan perlu dibuat.
		Sebab nisbah “jarak mencancang kepada jarak mengufuk” digunakan untuk menentukan kecerunan, dan bukan sebaliknya, perlu dibincangkan.	
MINGGU 25	Cuti Penggal 2		
4 Sept – 10 Sept 2022			
BAB 11 : TRANSFORMASI ISOMETRI (MODUL 15, MODUL 19)			
MINGGU 26	11.1 Transformasi	11.1.1 Memerihalkan perubahan bentuk, saiz, kedudukan dan orientasi suatu objek yang melalui transformasi, dan seterusnya menerangkan idea padanan satu-dengan-satu antara titik-titik dalam transformasi.	Aktiviti penerokaan termasuk yang melibatkan contoh kehidupan sebenar apabila objek itu diterbalikkan, diputar, dialihkan dan dibesarkan atau dikecilkan, perlu dijalankan.
11 Sept – 17 Sept 2022		11.1.2 Menerangkan idea kekongruenan dalam transformasi.	Penggunaan teknologi digital digalakkan.
			Perbezaan antara kekongruenan dan keserupaan perlu

MINGGU 27 18 Sept – 24 Sept 2022	11.2 Translasi	11.2.1 Mengenal translasi. 11.2.2 Memerihalkan translasi menggunakan pelbagai perwakilan termasuk dalam bentuk vektor translasi. 11.2.3 Menentukan imej dan objek bagi suatu translasi. 11.2.4 Menyelesaikan masalah yang melibatkan translasi.	Aktiviti penerokaan perlu dijalankan dengan menggunakan perisian geometri dinamik. Sifat imej perlu Dibincangkan. Contoh pelbagai perwakilan ialah secara grafik, bahasa dan simbol. Bentuk vektor translasi ialah AP dan $\left(\frac{a}{b}\right)$
	11.3 Pantulan	11.3.1 Mengenal pantulan 11.3.2 Memerihalkan pantulan menggunakan pelbagai perwakilan 11.3.3 Menentukan imej dan objek bagi suatu pantulan. 11.3.4 Menyelesaikan masalah yang melibatkan pantulan.	Aktiviti penerokaan perlu dijalankan dengan menggunakan perisian geometri dinamik. Sifat imej perlu dibincangkan. Perwakilan simbolik dikecualikan. Sifat simetri dalam pantulan perlu dibincangkan.
MINGGU 28 25 Sept – 1 Oktober 2022	11.4 Putaran	11.4.1 Mengenal putaran. 11.4.2 Memerihalkan putaran menggunakan pelbagai perwakilan. 11.4.3 Menentukan imej dan objek bagi suatu putaran. 11.4.4 Menyelesaikan masalah yang melibatkan putaran.	Aktiviti penerokaan perlu dijalankan dengan menggunakan perisian geometri dinamik. Sifat imej perlu dibincangkan. Perwakilan simbolik dikecualikan.

MINGGU 29 2 Oktober – 8 Oktober 2022	11.5 Translasi, Pantulan dan Putaran sebagai Isometri	11.5.1 Menyiasat hubungan antara kesan translasi, pantulan dan putaran terhadap jarak antara dua titik pada objek dan imej, dan seterusnya menerangkan isometri. 11.5.2 Menerangkan hubungan antara isometri dan kekongruenan. 11.5.3 Menyelesaikan masalah yang melibatkan isometri dan kekongruenan.	Contoh bukan isometri perlu dilibatkan. Isometri ialah suatu transformasi yang mengekalkan jarak antara sebarang dua titik.
	11.6 Simetri Putaran	11.6.1 Menerangkan simetri putaran. 11.6.2 Menentukan peringkat simetri putaran bagi suatu objek.	Menjalankan aktiviti penerokaan dengan melibatkan objek dua dimensi sahaja.

BAB 12 : SUKATAN KECENDERUNGAN MEMUSAT (MODUL 4, 5, 12)

MINGGU 30 9 Oktober – 15 Oktober 2022	12.1 Sukatan Kecenderungan Memusat	12.1.1 Menentukan mod, min dan median bagi suatu set data tak terkumpul.	Kalkulator atau perisian digunakan dalam tajuk ini mengikut kesesuaian. Penjanaan soalan yang menjurus kepada pengumpulan data berdasarkan situasi sebenar, dan seterusnya mengumpul dan menggunakan data bagi memerihalkan sukatan kecenderungan memusat perlu dilibatkan. Situasi sebenar boleh melibatkan EMK seperti: (a) wang saku murid (b) pasaran komoditi (c) pelancongan
---	---	--	---

		12.1.2 Membuat kesimpulan tentang kesan perubahan suatu set data terhadap nilai mod, min dan median.	(d) penggunaan alat teknologi Kesan nilai ekstrem perlu dibincangkan. Istilah sukatan kecenderungan memusat perlu diperkenalkan. Aktiviti penerokaan yang melibatkan perubahan seragam dan tidak seragam perlu dijalankan
MINGGU 31 16 Oktober – 22 Oktober 2022 MINGGU 32 23 Oktober – 29 Oktober 2022 MINGGU 33 30 Oktober – 5 November 2022	12.1 Sukatan Kecenderungan Memusat	12.1.3 Mengumpul data, membina dan mentafsir jadual kekerapan bagi data terkumpul. 12.1.4 Menentukan kelas mod dan min bagi suatu set data terkumpul. 12.1.5 Memilih dan menjustifikasikan sukatan kecenderungan memusat yang sesuai untuk memerihai taburan suatu set data, termasuk set data yang mempunyai nilai ekstrem. 12.1.6 Menentukan mod, min dan median daripada perwakilan data. 12.1.7 Mengaplikasikan kefahaman tentang sukatan kecenderungan memusat untuk membuat ramalan, membentuk hujah yang meyakinkan dan membuat kesimpulan.	Aktiviti penerokaan yang melibatkan murid membentuk kefahaman dalam mengorganisasikan data dan membuat rumusan secara sistematik perlu dijalankan. Contoh: membahagikan data kepada beberapa kumpulan (lulus dan gagal)/tahap/peringkat. Set data dalam bentuk perwakilan seperti jadual, carta pai, carta palang, plot batang dan daun perlu dilibatkan. Perbandingan dua atau lebih set data perlu dilibatkan. Kepentingan julat dalam perbandingan perlu diberi penekanan.
BAB 13 : KEBARANGKALIAN MUDAH (MODUL 2)			
MINGGU 34 6 November – 12	13.1 Kebarangkalian Eksperimen	13.1.1 Melaksanakan eksperimen kebarangkalian mudah, dan seterusnya menentukan nisbah	Perisian perlu digunakan untuk melakukan simulasi. Kesimpulan yang perlu dibuat ialah kebarangkalian eksperimen menuju ke satu

November 2022 MINGGU 35 13 November –19 November 2022		<u>Kekerapan berlakunya suatu peristiwa</u> <i>Bilangan cubaan</i> sebagai kebarangkalian eksperimen bagi suatu peristiwa. 13.1.2 Membuat kesimpulan tentang kebarangkalian eksperimen suatu peristiwa apabila bilangan cubaan cukup besar.	nilai tertentu jika eksperimen diulangi dengan bilangan cubaan yang cukup besar.
	13.2 Kebarangkalian Teori yang Melibatkan Kesudahan Sama Boleh Jadi	13.2.1 Menentukan ruang sampel dan peristiwa bagi suatu eksperimen.	Aktiviti penerokaan yang melibatkan situasi sebenar bagi membentuk idea tentang ruang sampel dan peristiwa perlu dijalankan. Gambar rajah pokok dan set perlu digunakan.
MINGGU 36 20 November – 26 November 2022	13.2 Kebarangkalian Teori yang Melibatkan Kesudahan Sama Boleh Jadi	13.2.2 Membina model kebarangkalian suatu peristiwa, dan seterusnya membuat perkaitan antara kebarangkalian teori dengan kebarangkalian eksperimen. 13.2.3 Menentukan kebarangkalian suatu peristiwa.	Model kebarangkalian suatu peristiwa A diwakili oleh $P(A) = \frac{n(A)}{n(S)} A$ Perkaitan yang perlu dibuat ialah kebarangkalian eksperimen menghampiri kebarangkalian teori apabila bilangan cubaan adalah cukup besar. $\frac{\text{Bilangan kejadian } A}{\text{Bilangan cubaan}} = \frac{n(A)}{n(S)}$ Peristiwa boleh melibatkan EMK seperti: (a) wang saku murid (b) jualan barangan (c) cuaca (d) penggunaan alat teknologi
MINGGU 37	13.3 Kebarangkalian Peristiwa Pelengkap	13.3.1 Memerihalkan peristiwa pelengkap dalam perkataan dan dengan menggunakan tatatanda set.	Aktiviti penerokaan perlu dijalankan dengan mengaitkan konsep set bagi

27 November – 3 Desember 2022		13.3.2 Menentukan kebarangkalian peristiwa pelengkap.	membentuk generalisasi bahawa: $P(A) + P(A') = 1$ $P(A') = 1 - P(A)$ $0 \leq P(A) \leq 1$
	13.4 Kebarangkalian Mudah	13.4.1 Menyelesaikan masalah yang melibatkan kebarangkalian suatu peristiwa.	
MINGGU 38 4 Desember – 8 Desember 2022	ULANGKAJI LATIHAN PENGUKUHAN BERFOKUS TOPIKAL TING 2		
MINGGU 39 9 Desember – 13 Desember 2022	Cuti Penggal 3		
MINGGU 40 18 Desember – 24 Desember 2022	ULANGKAJI LATIHAN PENGUKUHAN BERFOKUS TOPIKAL TING 2		
MINGGU 41 25 Desember – 31 Desember 2022	ULANGKAJI LATIHAN PENGUKUHAN BERFOKUS TOPIKAL TING 2		
MINGGU 42 1 Januari – 7 Januari 2023	ULANGKAJI LATIHAN PENGUKUHAN BERFOKUS TOPIKAL TING 2		
MINGGU 43 8 Januari – 14 Januari 2023	ULANGKAJI LATIHAN PENGUKUHAN BERFOKUS TOPIKAL TING 2		
MINGGU 44	ULANGKAJI LATIHAN PENGUKUHAN BERFOKUS TOPIKAL TING 2		

15 Januari – 21 Januari 2023	
MINGGU 45 22 Januari – 28 Januari 2023	ULANGKAJI LATIHAN PENGUKUHAN BERFOKUS TOPIKAL TING 2
MINGGU 46 29 Januari – 4 Februari 2023	ULANGKAJI LATIHAN PENGUKUHAN BERFOKUS TOPIKAL TING 2
MINGGU 47 5 Februari – 11 Februari 2023	ULANGKAJI LATIHAN PENGUKUHAN BERFOKUS TOPIKAL TING 2
MINGGU 48 12 Februari – 18 Februari 2023	ULANGKAJI LATIHAN PENGUKUHAN BERFOKUS TOPIKAL TING 2
MINGGU 49 19 Februari – 25 Februari 2023	CUTI AKHIR PENGGAL 2022/2023